

16 JUN 1998

SESENI-LABUR/I

SESENI-PNB PROPERTIES AKAN LABUR RM800 JUTA BAGI SISTEM PENYEJUKAN CYBERJAYA

CYBERJAYA, 16 Jun (Bernama) -- Seseni-Tenaga Spl, projek usaha sama 41:59 peratus antara Seseni Energy Services Sdn Bhd dan Tenaga Spl Sdn Bhd, merancang untuk melabur RM800 juta untuk memajukan sistem kawasan penyejukan (DCS) komersil dalam zon pembangunan perdana Cyberjaya bagi tempoh 10 tahun.

Ketua pegawai eksekutif Seseni, Shaharel Shafiei, berkata syarikat usaha sama itu akan membina dua kilang pusat bernilai RM400 juta setiap satu dalam kawasan itu.

Syarikat itu akan menjual air dingin bagi kawasan penyejukan untuk syarikat-syarikat yang beroperasi dalam zon tersebut, katanya kepada pemberita selepas pemeterian lima perjanjian antara Cyberview Sdn Bhd, pemaju utama zon perdana Cyberjaya dengan empat syarikat lain termasuk Seseni.

Majlis permeterian itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Shaharel berkata pembiayaan bagi projek itu akan dihasilkan daripada pinjaman dan dana dalaman.

Beliau berkata fasa pertama projek itu yang membentuk sebahagian daripada kilang pertama bernilai kira-kira RM10 juta dijangka dimulakan bila-bila masa sekarang kerana projek itu hanya menunggu kelulusan daripada pihak berkuasa.

DCS adalah pengeluaran berpusat dan membekalkan air dingin bagi penggunaan penghawa dingin kepada beberapa bangunan dan kompleks dalam kawasan itu.

Seseni Energy Services, anak syarikat milik penuh Malaysia yang mengkhususkan dalam pembangunan sistem tenaga maju dan teknologi ketika ini memajukan kilang kawasan penyejukan bagi Plaza Merdeka di Kuala Lumpur.

Beliau berkata kilang kedua akan dimajukan apabila Cyberjaya terus dimajukan.

Sistem penyejukan bagi Cyberjaya adalah yang pertama akan digunakan di atas asas-asas bandar baru kerana ia dianggap sebagai bandar baru.

Tenaga Spl adalah anak syarikat milik penuh TNB Engineering dan Consultancy Sdn Bhd, yang sebaliknya adalah anak syarikat Tenaga Nasional Bhd.

PNB Properties akan memiliki 8.6 hektar daripada Cyberview dengan jumlah RM34 juta, bersama tanah termasuk bangunan yang akan disewa kepada syarikat MSC.

-- BERNAMA

AD ZK